

Keratan Akhbar bertarikh 9 September 2016

Sinar Harian

'Jangan simpan jadi hiasan'



Jayamuddin Ahmad menerima bantuan mesin pengadun tepung dari Ganabathirau sempena Program Bantuan Peralatan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor 2016.

SEPANG - Penerima bantuan peralatan membasmi kemiskinan dinasihatkan tidak mensia-siakan kemudahan yang diberikan.

Exco Kemiskinan, Kerajaan Prihatin dan Pekerja Ladang, V Ganabathirau berkata, bantuan itu perlu digunakan sebaiknya bagi membantu meningkatkan ekonomi keluarga.

"Kerajaan memperuntukkan RM2 juta untuk menyalurkan bantuan kepada mereka yang layak. Walaupun peralatan ni percuma, penerima patut memanfaatkan sebaik mungkin untuk menjana pendapatan.

"Jangan simpan saja jadi hiasan, tunggu raya baru nak guna, memang rugi," katanya pada majlis penyampaian Bantuan Peralatan Blueprint Pembasmian Kemiskinan Negeri Selangor 2016 daerah Sepang di Pejabat Tanah dan Daerah Sepang, di sini.

Hadir sama, Adun Tanjung Sepat, Ir Mohd Haslin Hasan; Adun Sungai Pelek, Lai Nyuk Lan dan Penyelaras Dun Dengkil, Borhan Aman Shah.

Dalam pada itu, Ganabathirau berkata, sebanyak 57 permohonan diterima dari daerah Sepang tahun ini dan

hanya 50 diluluskan.

Menurutnya, semua permohonan itu diteliti dan bagi yang tidak lulus mungkin disebabkan tidak menepati syarat ditetapkan.

"Bantuan ini jadi pilihan ramai penduduk, jadi penerima yang berjaya seharusnya gunakan peralatan diberikan sebaik mungkin untuk meningkatkan taraf hidup keluarga.

"Kalau main-main, tak perlu mohon sebab masih ramai lagi individu yang perlukan bantuan ini untuk mengubah masa depan keluarga," katanya.